

Presiden terkejut usul undur diri dibentang

KUALA LUMPUR 8 April - Datuk Seri Dr. Lim Keng Yaik membuatkan anggota perwakilan ke Persidangan Kebangsaan Luar Biasa parti Gerakan hari ini tergamam seketika dengan menyoal kenapa usul bagi menerima pengunduran diri beliau selaku presiden parti itu dibentangkan sebelum beliau berucap.

"Kenapa bentangkan usul ini kerana saya belum lagi berucap. Apa akan jadi jika saya berubah fikiran. Anda benar-benar mahu saya pergi?" kata Dr. Lim sebelum berhenti berucap.

Beliau kemudian mengalih panda-

ngan ke arah wakil media, seolah-olah seperti hendak terus berhenti berucap, sebelum Speaker, Datuk Dr Chin Fook Weng, yang mencegusikan perhimpunan khas itu, mencelah dan berkata tindakan itu tidak disengajakan.

Secara berseloroh, Dr Lim berkata, beliau sebenarnya sedikitpun tidak berkecil hati dengan langkah setiausaha agung parti, Datuk Seri Chia Kwang Chye membentangkan usul itu sebelum ucapan presiden.

"Itulah cara kita. Itulah Gerakan, semuanya boleh," katanya sambil disambut gelak ketawa sidang per-

wakilan.

Dr. Lim, yang juga Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi, yang sering menyelitkan unsur jenaka ketika bercakap, menyampaikan ucapan presidennya kali ini dalam bahasa Inggeris, pertama kali beliau berbuat demikian selaku presiden parti itu sejak 26 tahun lepas.

"Anda tahulah bahasa Malaysia saya teruk. Benarkan saya menggunakan bahasa yang saya selesa," katanya sambil menjelaskan kesukaran yang beliau hadapi ketika hendak berucap dalam bahasa kebangsaan.

- Bernama